

25/10/2002

Komponen BN perlu utamakan kepentingan nasional

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu melihat dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik mengikut konteks kepentingan dan integrasi nasional.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata BN yang mewakili semua kaum di negara ini harus mengutamakan isu yang mempunyai kepentingan nasional berbanding kepentingan pihak tertentu saja.

"Penggunaan bahasa Inggeris seharusnya menjadi dasar yang diikuti semua," katanya selepas menyampaikan ceramah pada Seminar Pemikiran Dr Mahathir di Subang dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan beberapa parti Cina komponen BN yang masih keberatan menerima pelaksanaan dasar pengajaran bahasa Inggeris seperti dicadangkan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata pergerakan itu lega mesyuarat Dewan Tertinggi BN kelmarin memutuskan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan dilaksanakan serentak di semua sekolah, tahun depan.

Beliau berkata, pelaksanaan itu mesti dibuat serentak pada semua peringkat dan tiada pihak harus diberi pengecualian.

"Kita lihat penguasaan bahasa Inggeris dalam subjek itu bukan berkisar kepada kaum, latar belakang atau agama, sebaliknya usaha menimba dan menguasai ilmu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Sungai Kerawai, Teluk Intan, di sini.

Katanya lagi, tiada parti komponen BN boleh mengeluarkan kenyataan tanpa merujuk kepada pucuk kepimpinan dan Jemaah Menteri mengenai sebarang isu, termasuk isu penggunaan bahasa Inggeris.

"Sebab itu, apabila MCA membuat kenyataan saya sifatkan tidak bertanggungjawab, mengelirukan dan tidak boleh diterima kerana BN membuat keputusan bersama untuk kepentingan ramai, bukan sesuatu kaum atau puak saja," katanya.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad yang ditemui selepas merasmikan Minggu Kualiti 2002 kementerian menyerahkan kepada MCA untuk menyelesaikan isu itu.

"Biar mereka selesaikan perbincangan pada peringkat parti. Kita akan tunggu untuk mendengar cadangan mereka. Saya tidak mahu membuat sebarang kenyataan," katanya.

Sementara itu, empat parti Cina komponen BN akan membuat keputusan muktamad berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) esok.

Timbalan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Tham Nyip Shen, iaitu satu daripada empat parti berkenaan mengesahkan perkara itu tetapi enggan mendedahkan butiran lanjut.

"Kami akan mengadakan mesyuarat esok dan bakal membuat keputusan muktamad mengenainya. Jadi kena tunggu esok. Sekarang saya tidak dapat nyatakan sebarang butiran lanjut kerana tidak adil bagi parti lain," katanya ketika ditemui selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, di Teluk Likas, Kota Kinabalu hari ini.

Selain SAPP, tiga parti yang turut terbabit ialah MCA, Gerakan dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP). Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak ikut serta.

Semalam empat parti komponen BN mengadakan mesyuarat pertamanya mengenai

isu itu, kira-kira dua jam di ibu negara yang disifatkan Presiden MCA, Datuk Ling Liong Sik sebagai `ada kemajuan'.

Mesyuarat itu susulan keputusan Dewan Tertinggi BN memberikan tempoh seminggu kepada parti berkenaan menyelesaikan isu itu.